



## PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DI SEMUA AGENSI AWAM

### TUJUAN

1. Ceraian ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai keputusan Kerajaan menubuhkan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam.

### LATAR BELAKANG

2. Sistem tadbir urus sektor awam yang terbaik dan budaya kerja berkualiti merupakan landasan penting dalam meningkatkan keyakinan rakyat terhadap keupayaan Kerajaan melaksanakan dasar yang dimandatkan. Dalam hubungan ini, Kerajaan akan terus mengambil langkah untuk memantapkan integriti bagi menentukan penjawat awam menjunjung dan menegakkan prinsip integriti serta akauntabiliti ke arah mencapai sistem penyampaian awam yang lebih cemerlang.

3. Ke arah ini, Kerajaan telah bersetuju mewujudkan Unit Integriti di semua agensi awam. Unit ini bertujuan untuk memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh hatta meningkatkan semangat patriotisme. Inisiatif ini akan dapat membendung salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

### PELAKSANAAN

#### Penubuhan Unit Integriti

4. Penubuhan Unit Integriti ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut:

- a) **Tadbir Urus**  
Memastikan tadbir urus yang terbaik dilaksanakan;
- b) **Pengukuhan Integriti**  
Memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi;



- c) **Pengesanan dan Pengesahan**
  - i) Mengesan dan mengesahkan aduan salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi serta memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil; dan
  - ii) Melaporkan salahlaku jenayah kepada agensi penguatkuasaan yang bertanggungjawab;
- d) **Pengurusan Aduan**

Menerima dan mengambil tindakan ke atas semua aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi;
- e) **Pematuhan**

Memastikan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa; dan
- f) **Tatatertib**

Melaksanakan fungsi urus setia Lembaga Tatatertib.

5. Fungsi-fungsi sedia ada yang dilaksanakan oleh pelbagai bahagian/cawangan/unit di agensi perlu dipindahkan ke Unit Integriti ini berdasarkan kepada model Unit Integriti yang ditetapkan.

#### **Penarafan Risiko Agensi**

6. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bertanggungjawab melaksanakan penarafan risiko agensi bagi menetapkan model Unit Integriti yang bersesuaian. Taraf risiko dikelaskan kepada tinggi, sederhana atau rendah. Penarafan semula risiko sesuatu agensi dilaksanakan setiap tiga (3) tahun atau mengikut keperluan.

#### **Penentuan Struktur Dan Perjawatan**

7. Struktur dan perjawatan bagi Unit Integriti akan diwujudkan oleh Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) berdasarkan kepada penarafan risiko agensi dan dasar perjawatan semasa.



### SP.1.2.1

8. Perjawatan Ketua Unit Integriti di agensi memerlukan kelayakan Pegawai Integriti Bertauliah (*Certified Integrity Officer/CeIO*) atau lain-lain kelayakan sepertimana diiktiraf oleh Lembaga Pentauliahan Pegawai Integriti yang diurusetikan oleh SPRM. Kursus CeIO dilaksanakan oleh SPRM di Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA).

#### **Penyelarasan Dan Pelaporan**

9. Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM berperanan menyelaras pelaksanaan fungsi Unit Integriti. Bahagian ini turut bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan integriti di agensi.

10. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan pengurusan integriti ini, Ketua Unit Integriti hendaklah mengemukakan laporan berkaitan pelaksanaannya kepada Ketua Setiausaha Kementerian/Ketua Jabatan dan Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM setiap empat (4) bulan sekali iaitu sebelum 15 haribulan Mei, September dan Januari.

#### **Carta Aliran Penubuhan Unit Integriti**

11. Carta aliran penubuhan Unit Integriti agensi sektor awam adalah seperti di **Lampiran SP.1.2.1(A)**.

#### **PEMBATALAN**

12. Dengan berkuat kuasanya PPSM ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013: Penubuhan Unit Integriti Di Semua Agensi Awam adalah **dibatalkan**.

#### **PEMAKAIAN**

13. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Ceraian ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM  
JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA



**CARTA ALIRAN PENUBUHAN UNIT INTEGRITI AGENSI AWAM**

